



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 20
No. 17

12hb Ogos, 1976

*TAMBAHAN No. 49
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 263.

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

DAN

AKTA (CUKAI PENDAPATAN) PETROLIAM 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (BELGIUM) 1976

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta (Cukai Pendapatan) Petroliam 1967 Menteri membuat perintah yang berikut :

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Belgium) 1976.**

2. Maka adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Belgium dengan tujuan hendak memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Belgium (sebagaimana ditakrifkan, mengenai tiap-tiap satunya, dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah mustahak supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

*Akta 53.
45/67.*

Nama.

Pengisytiharan pelepasan daripada cukai dua kali.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN BELGIUM BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA
KALI DAN MENCEGAH-PELARIAN FISIKAL BERKENAAN
DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN**

KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN BELGIUM,

Dengan tujuan hendak menandatangani suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fizikal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan;

Telah bersetuju seperti berikut :

Perkara I

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang bermastautin di salah satu Negara Berjanji atau di kedua-duanya.

Perkara II

1. Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi cukai-cukai atas pendapatan yang dikenakan oleh tiap-tiap satu Negara Berjanji, tanpa mengira cara cukai-cukai itu dilevi.

2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai-cukai atas pendapatan semua cukai yang dikenakan atas pendapatan jumlah, atau atas punca-punca pendapatan, termasuklah cukai-cukai atas keuntungan daripada pemberimilikan harta alih atau harta takalih dan cukai-cukai atas amaun jumlah upah atau gaji yang dibayar oleh enterpris-enterpris.

3. Cukai-cukai yang sedia ada dan yang baginya Perjanjian hendaklah dipakai ialah:

(a) di Malaysia—

(ii) cukai pendapatan;

(iii) cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai pembangunan, cukai keuntungan bijih timah dan cukai keuntungan kayu-kayan; dan

(iv) cukai pendapatan petroliaam

(kemudian daripada ini disebut “cukai Malaysia”);

(b) di Belgium—

(ii) cukai pendapatan persendirian (l’impot des personnes physiques);

(iii) cukai pendapatan perbadanan (l’impot des societes);

(iv) cukai pendapatan atas entiti-entiti di sisi undang-undang (l’impot des personnes morales);

(v) cukai pendapatan atas bukan pemastautin (l’impot des non-residents);

(vi) bayaran terdahulu dan bayaran terdahulu tambahan (les precomptes et complements de precomptes); dan

(vii) surcaj (decimes et centimes additionnels) ke atas mana-mana daripada cukai-cukai yang disebut dalam (i) hingga (v) di atas termasuk tambahan komunal kepada cukai pendapatan persendirian (taxe communale additionnelle a l’impot des personnes physiques)

(kemudian daripada ini disebut “cukai Belgium”).

4. Perjanjian hendaklah juga dipakai bagi mana-mana cukai yang serupa atau yang pada isinya sama dan yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau menggantikan, cukai-cukai yang sedia ada.

5. Pihakberkuasa berkelayakan satu Negara Berjanji hendaklah sentiasa memberitahu pihakberkuasa berkelayakan Negara Berjanji yang satu lagi apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaian mengenainya. Bagi perubahan-perubahan pada isinya dalam sistem percukaian dalam satu Negara Berjanji, pihakberkuasa berkelayakan Negara Berjanji itu hendaklah berunding dengan pihakberkuasa Negara Berjanji yang satu lagi dengan tujuan untuk menyesuaikan Perjanjian dengan perubahan-perubahan itu..

6. Peruntukan-peruntukan Perjanjian berkenaan dengan cukai atas pendapatan atau keuntungan hendaklah juga dipakai bagi cukai pembangunan yang dihitung berasaskan lain daripada pendapatan.

Perkara III

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

- (a) perkataan “Malaysia” ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuklah mana-mana kawasan yang bersempadan dengan perairan wilayah Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia berkenaan dengan Pelantar Benua sebagai suatu kawasan yang dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-haknya berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil bumi dasar laut dan tanah-tanah itu;
- (b) perkataan “Belgium” ertinya Negara Beraja Belgium; termasuklah mana-mana kawasan di luar kedaulatan kebangsaan Belgium yang telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan, di bawah undang-undang Belgium berkenaan dengan Pelantar Benua dan menurut undang-undang antarabangsa, sebagai suatu kawasan yang dalamnya Belgium boleh menjalankan hak-haknya berkenaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil bumi dasar laut dan tanah-tanah itu;
- (c) perkataan-perkataan “satu Negara Berjanji” dan “Negara Berjanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Belgium, mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (d) perkataan “cukai” ertinya cukai Malaysia atau cukai Belgium, mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (e) perkataan “orang” termasuklah seseorang perseorangan, sesuatu syarikat dan sesuatu kumpulan orang yang lain; bagi Malaysia termasuklah juga sesuatu perbadanan tunggal dan sesuatu Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk sesuatu perkongsian;
- (f) perkataan “syarikat” ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud-maksud cukai;
- (g) perkataan-perkataan “enterpris suatu Negara Berjanji” dan “enterpris Negara Berjanji yang satu lagi” masing-masing ertinya sesuatu enterpris yang dijalankan oleh pemastautin satu Negara Berjanji dan sesuatu enterpris yang dijalankan oleh pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi;
- (h) perkataan-perkataan “pihakberkuasa berkelayakan” ertinya bagi Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa, dan bagi Belgium, pihakberkuasa berkelayakan menurut perundangan Belgium.

2. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian oleh satu Negara Berjanji, apa-apa perkataan yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah undang-undang Negara Berjanji itu berhubung dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perjanjian.

Perkara IV**1. Dalam Perjanjian ini**

- (a) perkataan-perkataan “pemastautin Malaysia” ertinya
 - (i) seseorang perseorangan yang biasanya bermastautin dalam Malaysia, atau
 - (ii) seseorang lain daripada seseorang perseorangan yang bermastautin dalam Malaysia,bagi tahun asas sesuatu tahun taksiran bagi maksud-maksud cukai Malaysia;
- (b) perkataan-perkataan “pemastautin Belgium” ertinya seseorang yang adalah pemastautin Belgium bagi maksud-maksud cukai Belgium;
- (c) perkataan-perkataan “pemastautin satu Negara Berjanji” dan “pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi” ertinya pemastautin Malaysia atau pemastautin Belgium, mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang perseorangan adalah pemastautin kedua-dua Negara Berjanji, maka halnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut :

- (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya. Jika ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji dengan yang mana perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat (pusat kepentingannya yang perlu);
- (b) Jika Negara Berjanji dalam mana ia mempunyai pusat kepentingannya yang perlu itu tidak dapat ditentukan, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di salah satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji di mana ia mempunyai suatu tempat tinggal yang lazim digunakannya;
- (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim digunakannya di kedua-dua Negara Berjanji atau tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim digunakannya di salah satu Negara Berjanji, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji yang ia adalah seorang rakyatnya;
- (d) jika ia adalah seorang rakyat kedua-dua Negara Berjanji atau bukan seorang rakyat salah satu Negara Berjanji, pihak-berkuasa-pihakberkuasa berkelayakan Negara-negara Berjanji hendaklah menyelesaikan halnya dengan persetujuan bersama.

3. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1, seseorang lain daripada seorang perseorangan adalah pemastautin kedua-dua Negara Berjanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin Negara Berjanji di mana terletaknya tempat pengurusannya yang berkuatkuasa.**Perkara V****1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan-perkataan “pertubuhan tetap” ertinya tempat perniagaan yang tetap di mana kesemua atau sebahagian daripada perniagaan enterprais dijalankan.**

2. Perkataan-perkataan “pertubuhan tetap” hendaklah termasuk terutama sekali :

- (a) sesuatu tempat pengurusan;
- (b) sesuatu cawangan;
- (c) sesuatu pejabat;
- (d) sesuatu kilang;
- (e) sesuatu woksyo;
- (f) sesuatu kebun atau ladang;
- (g) sesuatu lombong, telaga minyak; kuari atau lain-lain tempat pengeluaran hasil bumi;
- (h) sesuatu tapakbina bangunan atau projek pembinaan atau pemasangan yang sedia ada selama lebih daripada enam bulan;
- (i) sesuatu tempat pengeluaran kayu-kayan atau keluaran hutan.

3. Perkataan-perkataan “pertubuhan tetap” tidak boleh disifatkan sebagai termasuk :

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud menyimpan, mempamerkan atau menyerahkan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais;
- (b) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais semata-mata bagi maksud menyimpan, mempamerkan atau menyerahkan barang-barang atau dagangan itu;
- (c) penyenggaraan stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais semata-mata bagi maksud diproses oleh sesuatu enterprais lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau mengumpul maklumat, untuk enterprais;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud mengiklankan, bagi memberi maklumat, bagi menyelidik sains atau untuk aktiviti-aktiviti seumpamanya yang membuat persediaan-persediaan bagi atau adalah sebagai tambahan kepada, enterprais.

4. Sesuatu enterprais satu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi jika ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkenaan dengan sesuatu projek pembinaan, pemasangan atau pemasangan yang sedang diusahakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

5. Seseorang yang bertindak dalam satu Negara Berjanji bagi pihak sesuatu enterprais Negara Berjanji yang satu lagi (lain daripada seseorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai) hendaklah disifatkan sebagai suatu pertubuhan tetap dalam Negara yang pertama disebut itu jika :

- (a) ia mempunyai, dan lazimnya menjalankan dalam Negara yang pertama disebut itu, suatu kuasa bagi menandatangani kontrak-kontrak atas nama enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan bagi enterprais itu; atau
- (b) ia menyenggara dalam Negara yang pertama disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu, dan dari stok itu ia selalu memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak enterprais itu.

6. Sesuatu enterprais satu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu pertubuhan tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu broker, ejen kamsin am atau ejen lain yang bertaraf bebas, jika tindakan-tindakan orang-orang itu ialah tindakan-tindakan dalam perjalanan biasa perniagaan mereka.

7. Fakta bahawa sesuatu syarikat yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang adalah pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi, atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi (samada melalui sesuatu pertubuhan tetap atau selainnya) tidak dengan sendirinya menjadikan salah satu syarikat itu pertubuhan tetap bagi syarikat yang satu lagi.

Perkara VI

1. Pendapatan dari harta takalih boleh dikenakan cukai di Negara Berjanji di mana terletak harta itu.

2. Perkataan-perkataan “harta takalih” hendaklah ditakrifkan mengikut undang-undang dan penggunaan Negara Berjanji di mana terletak harta yang berkenaan itu. Walau bagaimanapun, perkataan-perkataan itu hendaklah, bagi apa-apa hal, termasuk harta yang menjadi alatam-bah harta takalih, ternakan dan kelengkapan yang digunakan dalam pertanian dan kehutanan, hak-hak yang baginya peruntukan-peruntukan undang-undang am berkenaan dengan harta tanah dipakai, hak bagi menikmati harta takalih dan hak atas bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengerjakan, atau hak atas kerja-kerja, deposit galian, punca-punca dan lain-lain hasil bumi; kapal, bot dan kapal-udara tidak boleh dianggap sebagai harta takalih.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang didapati daripada penggunaan secara langsung, penyewaan, atau penggunaan dengan apa-apa cara lain harta takalih.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada harta takalih sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada harta takalih yang digunakan bagi menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

Perkara VII

1. Pendapatan sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi melalui sesuatu pertubuhan tetap yang terletak dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika enterprais itu menjalankan perniagaan seperti tersebut di atas, pendapatan enterprais itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tetapi hanya setakat banyak mana daripada pendapatan itu yang boleh disebabkan kepada pertubuhan tetap itu.

2. Tanpa menyentuh pemakaian perenggan 3, jika sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi melalui sesuatu pertubuhan tetap yang terletak dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, maka hendaklah, dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji itu, disebabkan kepada pertubuhan tetap itu pendapatan yang ia boleh dijangka mendapatinya jika sekiranya ia adalah suatu enterprais bersendirian dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan yang sama atau serupa dan menjalankan urusan secara bebas keseluruhannya dengan enterprais yang baginya ia adalah suatu pertubuhan tetap.

3. Pada menentukan pendapatan sesuatu pertubuhan tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua perbelanjaan, termasuk perbelanjaan-perbelanjaan penguatkuasaan dan pentadbiran am, yang sepatutnya dipotong jika pertubuhan tetap itu ialah suatu enterprais bebas setakat banyak mana perbelanjaan-perbelanjaan itu boleh diuntukkan dengan sewajarnya kepada pertubuhan tetap itu, samada yang dilakukan dalam Negara Berjanji di mana terletak pertubuhan tetap itu atau di tempat-tempat lain.

4. Tiada apa-apa jua pendapatan boleh disebabkan oleh sesuatu pertubuhan tetap semata-mata oleh sebab pertubuhan tetap itu hanya membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

5. Jika sesuatu butiran pendapatan diselenggarakan secara berasingan dalam sesuatu Perkara lain Perjanjian ini, peruntukan-peruntukan Perkara lain itu tidak boleh disentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

Perkara VIII

1. Pendapatan sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji iaitu yang didapati dari Negara Berjanji yang satu lagi dari pengendalian kapal atau kapaludara dalam lalu-lintas antarabangsa boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu setakat setengah daripada pendapatan itu dan setengah lagi daripada pendapatan itu hendaklah dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu.

2. Pendapatan itu ialah sebahagian daripada pendapatan sedunianya sebagaimana dihitung oleh Negara Berjanji yang pertama disebut itu, yang mana berbanding dengan pendapatan sedunia itu adalah sama kadarnya sebagaimana pendapatan-pendapatan yang diterima dari pengangkutan penumpang-penumpang, ternakan atau barang-barang yang dikapalkan dari port-port dalam Negara Berjanji itu berbanding dengan pendapatan-pendapatan yang diterima dari pengendalian kapal-kapal atau kapaludara.

Perkara IX

Jika—

- (a) sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu enterprais Negara Berjanji yang satu lagi; atau
- (b) orang-orang yang mengambil bahagian secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji adalah juga mereka yang mengambil bahagian demikian dalam sesuatu enterprais dalam Negara Berjanji yang satu lagi,

dan dalam salah satu hal itu syarat-syarat yang dibuat atau dikenakan di antara dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangan mereka adalah berlainan dengan syarat-syarat yang sepatutnya dibuat di antara enterprais-enterprais bebas, maka apa-apa pendapatan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh sebab syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian, boleh dimasukkan dalam pendapatan enterprais itu dan dikenakan cukai dengan sewajarnya.

Perkara X

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium kepada seseorang pemastautin Malaysia boleh dikenakan cukai di Belgium menurut undang-undangnya tetapi cukai yang dikenakan itu tidak boleh lebih daripada 15 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu.

Perenggan ini tidak boleh menyentuh pencukaian syarikat itu berkenaan dengan keuntungan-keuntungan yang darinya dividen-dividen itu dibayar.

2. Dividen-dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia kepada seseorang pemastautin Belgium hendaklah dikecualikan daripada apa-apa dalam Malaysia yang boleh dikenakan atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan berkenaan dengan keuntungan-keuntungan atau pendapatan syarikat itu.

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua peruntukan dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai berkenaan dengan sesuatu dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang bermastautin dalam Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah dipotong atau telah disifatkan sebagai dipotong, boleh diselaraskan dengan merujuk kepada kadar cukai mengikut tahun taksiran Malaysia selepas sahaja tahun taksiran yang dalamnya dividen itu dibayar.

3. Jika selepas tarikh Perjanjian ditandatangani, sistem percukaian dalam Malaysia yang boleh dipakai bagi pendapatan dan agihan syarikat-syarikat adalah diubah dengan mengadakan cukai perbadanan (yang baginya tiada sesuatu kredit diberi kepada pemegang-pemegang syer) dan cukai dividen tambahan, maka cukai Malaysia yang boleh dikenakan atas dividen-dividen yang dibayar kepada seseorang pemastautin Belgium tidak boleh lebih daripada 15 peratus daripada amaun dividen-dividen itu.

4. Jika sesuatu syarikat yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji mendapat keuntungan-keuntungan atau pendapatan daripada punca-punca dalam Negara Berjanji yang satu lagi, maka tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu apa-apa bentuk cukai atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat itu di luar Negara Berjanji yang satu lagi itu kepada orang-orang yang bukannya pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau apa-apa cukai dari jenis cukai keuntungan yang tidak diagih atas keuntungan-keuntungan yang tidak diagih syarikat itu, samada atau tidak dividen-dividen atau keuntungan-keuntungan yang tidak diagih itu merupakan, kesemuanya atau sebahagian daripadanya, keuntungan-keuntungan atau pendapatan yang didapati sedemikian.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2, dan 3 tidak boleh dipakai jika penerima dividen-dividen itu, sebagai pemastautin satu Negara Berjanji, ada mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi, bagaimana syarikat yang membayar dividen-dividen itu adalah pemastautin, suatu pertubuhan tetap yang dengannya pegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar, dikaitkan dengan berkesan. Bagi sesuatu hal demikian, dividen-dividen itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji di mana terletaknya pertubuhan tetap itu.

6. Bagi maksud Perkara ini, sesuatu dividen hendaklah disifatkan sebagai dibayar oleh sesuatu syarikat pemastautin Malaysia jika—

- (a) bagi sesuatu syarikat yang bermastautin di Malaysia dan Singapura kedua-duanya, mesyuarat Pengarah-pengarah dalam mana dividen-dividen itu diisytiharkan telah diadakan dalam Malaysia; atau
- (b) bagi sesuatu syarikat yang bermastautin di Singapura, ia mengisytiharkan darinya apabila membayar dividen itu sebagai pemastautin Malaysia menurut Perkara VII Perjanjian bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan di antara Singapura dengan Malaysia yang ditandatangani di Singapura pada 26hb Disember, 1968.

Perkara XI

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 2 dan 4, bunga yang terbit dalam satu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu menurut undang-undang Negara Berjanji itu.

2. Walau bagaimanapun, cukai yang dikenakan sedemikian atas bunga itu tidak boleh lebih daripada 10 peratus daripada bunga itu, jika pinjaman atau hutang (tidak termasuk hutang berkenaan dengan barang-barang pengguna) yang berkenaan dengannya bunga itu dibayar, dibuat kepada, atau dilakukan oleh, sesuatu enterpris Negara Berjanji yang pertama disebut itu dan enterpris itu mengambil bahagian dalam sesuatu perusahaan industri.

3. Bagi maksud-maksud perenggan 2, perkataan “pengusahaan industri” ertinya sesuatu pengusahaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada klas-klas yang dinyatakan di bawah ini—

- (a) pengilangan, pemasangan dan pemerosesan;
- (b) pembinaan, kejuruteraan sivil dan pembinaan kapal;
- (c) pembekalan-pembekalan letrik, kuasa hidrolik, gas dan air;
- (d) peladang, pertanian, kehutanan dan perikanan; dan
- (e) apa-apa pengusahaan lain yang boleh diisytiharkan sebagai suatu “pengusahaan industri” bagi maksud-maksud Perkara ini oleh pihakberkuasa berkecualan Negara Berjanji di mana terletaknya pengusahaan itu.

4. Kerajaan satu Negara Berjanji hendaklah dikecualikan daripada Cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi berkenaan dengan bunga yang didapati oleh Kerajaan itu daripada Negara Berjanji yang satu lagi itu. Bagi maksud-maksud perenggan ini, perkara “Kerajaan”—

- (a) bagi Malaysia ertinya Kerajaan Malaysia dan hendaklah termasuk—
 - (i) Kerajaan-kerajaan Negeri;
 - (ii) pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan;
 - (iii) Bank Negara, Malaysia; dan
 - (iv) mana-mana institusi yang modalnya dipunyai kesemuanya oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan-kerajaan Negeri atau pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan, sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara kedua-dua pihakberkuasa berkecualan;

(b) bagi Belgium ertinya Kerajaan Belgium dan hendaklah termasuk—

- (i) mana-mana bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatan Belgium;
- (ii) Bank Negara Belgium (Banque Nationale de Belgique); dan
- (iii) mana-mana institusi yang modalnya dipunyai kesemuanya oleh Kerajaan Belgium atau bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa-pihakberkuasa tempatan Belgium sebagaimana yang dipersetujui dari semasa ke semasa di antara kedua-dua pihakberkuasa berkelayakan.

5. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 tidak boleh dipakai jika penerima bunga itu, sebagai seorang pemastautin satu Negara Berjanji, ada mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi dalam mana bunga itu terbit suatu pertubuhan tetap yang dengannya tuntutan hutang yang darinya bunga itu terbit adalah dikaitkan dengan berkesan.

6. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam satu Negara Berjanji jika pembayar ialah Negara Berjanji itu sendiri, sesuatu bahagian-kecil politik, sesuatu pihakberkuasa tempatan atau seseorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, samada seorang pemastautin satu Negara Berjanji atau tidak, ada mempunyai dalam satu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berhubung dengannya hutang yang atasnya bunga itu dibayar telah dilakukan, dan Bunga itu adalah secara langsung ditanggung oleh pertubuhan tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana terletaknya pertubuhan tetap itu.

Perkara XII

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti-royalti yang terbit dalam satu Negara Berjanji dan dibayar kepada seseorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu menurut undang-undang Negara Berjanji itu.

2. Walau bagaimanapun, cukai yang dikenakan atas royalti-royalti itu sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 3 (a) tidak boleh lebih daripada 10 peratus daripada amaun royalti-royalti itu.

3. Perkataan “royalti” sebagaimana digunakan dalam Perkara ini ertinya—

- (a) sesuatu pembayaran apa sahaja yang diterima sebagai balasan kerana mengguna, atau hak untuk menggunakan, hakcipta kerja sains, patent, cap dagangan, rekabentuk atau contoh, pelan, formula atau proses rahsia atau kerana mengguna, atau hak untuk menggunakan, kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains atau kerana maklumat berkenaan dengan pengalaman perusahaan atau sains; dan
- (b) sesuatu bayaran apa sahaja yang diterima sebagai balasan kerana mengguna, atau hak untuk menggunakan, hakcipta karya sastera atau seni, filem-filem atau pita-pita wayang gambar untuk penyiaran radio atau talivisyen.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan 2 tidak boleh dipakai jika penerima royalti-royalti itu, sebagai seorang pemastautin satu Negara Berjanji, ada mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi dalam mana royalti-royalti itu terbit suatu pertubuhan tetap yang dengannya hak atau harta yang menimbulkan royalti-royalti itu dikaitkan dengan berkesan.

5. Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam satu Negara Berjanji jika pembayar adalah Negara Berjanji itu sendiri, sesuatu bahagian-kecil politik, sesuatu pihakberkuasa tempatan atau seseorang pemastautin Negara Berjanji itu. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu, samada seorang pemastautin satu Negara Berjanji atau tidak, ada mempunyai dalam satu Negara Berjanji suatu pertubuhan tetap yang berhubung dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan, dan royalti-royalti itu adalah ditanggung secara langsung oleh pertubuhan tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana terletak pertubuhan tetap itu.

6. Jika, oleh kerana sesuatu hubungan khas di antara pembayar dengan penerima atau di antara kedua-dua mereka dengan seseorang lain, amaun royalti-royalti yang dibayar, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak atau maklumat yang baginya royalti-royalti itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang sepatutnya dipersetujui oleh pembayar dan penerima jika tidak ada hubungan itu, dan pengurusan itu bukan dibuat secara berbaiksangka, peruntukan-peruntukan perenggan 2 hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut kemudian.

Perkara XIII

Keuntungan-keuntungan daripada pemberimilikan harta takalih, sebagai-mana yang ditakrif dalam perenggan 2 Perkara VI, boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji di mana terletak harta itu.

2. Keuntungan-keuntungan daripada pemberimilikan harta alih yang menjadi sebahagian daripada harta perniagaan sesuatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh sesuatu enterprais satu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi atau pemberimilikan harta alih berhubung dengan sesuatu pengkalan tetap yang disediakan untuk pemastautin satu Negara Berjanji dalam Negara Berjanji yang satu lagi bagi maksud menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan profesional, termasuk apa-apa keuntungan daripada pemberimilikan sesuatu pertubuhan tetap itu (pertubuhan itu sahaja atau bersama-sama dengan enterprais itu kesemuanya) atau pemberimilikan sesuatu pengkalan tetap itu, boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Walau bagaimanapun, keuntungan-keuntungan daripada pemberimilikan kapal-kapal dan kapaludara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa dan pemberimilikan harta alih berhubung dengan pengendalian kapal-kapal dan kapaludara itu hendaklah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji bagaimana pengendali kapal-kapal atau kapaludara itu adalah pemastautin.

3. Keuntungan-keuntungan daripada pemberimilikan apa-apa harta lain hendaklah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji bagaimana pemberimilik itu adalah pemastautin.

Perkara XIV

1. Pendapatan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin satu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan profesional atau apa-apa aktiviti bebas lain seumpama itu hendaklah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu, melainkan jika perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu adalah diberi atau dijalankan dalam Berjanji yang satu lagi. Jika perkhidmatan-perkhidmatan atau aktiviti-aktiviti itu diberi atau dijalankan sedemikian, pendapatan yang diperolehi daripadanya boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Perkataan “perkhidmatan-perkhidmatan profesional” termasuklah, terutamanya, aktiviti-aktiviti bebas sains, kesusteraan, kesenian, pelajaran atau perguruan dan juga aktiviti-aktiviti bebas jurufizik, peguam, juru-tera, akitek, dentis dan akauntan.

Perkara XV

1. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara-perkara XVI, XVIII, XIX, XX dan XXI, gaji, upah dan lain-lain saraan seumpamanya yang diperolehi oleh seseorang pemastautin satu Negara Berjanji berkenaan dengan sesuatu ambilkerja hendaklah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja melainkan jika ambilkerja itu dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi. Jika ambilkerja itu dijalankan sedemikian, apa-apa saraan yang diperolehi darinya boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan yang diperolehi oleh seseorang pemastautin satu Negara Berjanji berkenaan dengan sesuatu ambilkerja yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi hendaklah boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu, jika—

- (a) saraan itu adalah berkaitan dengan sesuatu aktiviti yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh (termasuk tempoh gangguan kerja yang biasa) tidak lebih daripada jumlah semuanya 183 hari dalam tahun kalendar itu; dan
- (b) mana-mana tempoh yang selamanya ia berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu tidak menjadi sebahagian daripada tempoh berterusan selama lebih daripada 183 hari yang ia berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu; dan
- (c) saraan itu dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang majikan yang bukannya pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu; dan
- (d) saraan itu tidak ditanggung oleh sesuatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh majikan itu dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Walau apapun peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2, saraan berkenaan dengan sesuatu ambilkerja yang dijalankan dalam kapal atau kapaludara dalam lalu lintas antarabangsa yang dijalankan oleh sesuatu enterprais dalam satu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji itu.

Perkara XVI

1. Saraan pengarah yang diperolehi dengan cara bayaran, *tantiemes* dan bayaran-bayaran seumpamanya oleh seseorang pengarah yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji atas sifatnya sebagai seorang ahli lembaga pengarah sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu

2. Peruntukan-peruntukan Perkara XV hendaklah dipakai berhubung dengan saraan pengarah yang diperolehi daripada sesuatu syarikat oleh seseorang pengarah berkenaan dengan penjalanan tugas-tugas hari ke hari dari jenis pengurusan atau teknik seolah-olah saraan itu adalah saraan seseorang pekerja berkenaan dengan sesuatu ambilkerja.

Perkara XVII

1. Walau apapun peruntukan-peruntukan Perkara XV, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur awam, seperti seniman-seniman pentas, wayang gambar, radio atau talivisyen, dan ahli-ahli musik, dan oleh ahli-ahli sukan, daripada aktiviti-aktiviti persendirian mereka sebagai demikian boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan, tetapi cukai hanya boleh dikenakan atas bahagian pendapatan yang boleh disebabkan dengan wajarnya kepada aktiviti-aktiviti persendirian itu dalam Negara itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh dipakai jika pendapatan itu diperolehi daripada satu Negara Berjanji oleh pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi dan lawatannya ke Negara Berjanji yang pertama disebut itu adalah disokong, secara keseluruhannya atau pada sebahagian besarnya, daripada kumpulanwang awam Kerajaan Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Jika perkhidmatan-perkhidmatan penghibur-penghibur awam dan ahli-ahli sukan diadakan dalam satu Negara Berjanji oleh sesuatu enterprais Negara Berjanji yang satu lagi, maka pendapatan yang diperolehi daripada mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan ini oleh enterprais itu boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu, melainkan jika enterprais itu disokong, secara keseluruhannya atau pada sebahagian besarnya, daripada kumpulanwang awam Kerajaan Negara Berjanji yang satu lagi itu berhubung dengan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

4. Bagi maksud-maksud Perkara ini, perkataan-perkataan “kumpulanwang awam” hendaklah termasuk kumpulanwang kepunyaan Negara Berjanji itu atau mana-mana bahagian-kecil politik atau pihakberkuasa tempatan Negara itu.

Perkara XVIII

1. Apa-apa pencen lain daripada sesuatu pencen atau anuiti dalam bidang Perkara XIX atau apa-apa anuiti yang diperolehi daripada punca-punca dalam satu Negara Berjanji oleh seseorang persendirian yang adalah pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu.

2. Perkataan “pencen”, yang digunakan dalam Perkara ini, ertinya bayaran-bayaran berkala yang dibuat, samada dengan sukarela atau selainnya, sebagai balasan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi atau sebagai pampasan bagi bencana-bencana yang dialami.

3. Perkataan “anuiti” ertinya sesuatu jumlah wang yang dinyatakan dan yang kena dibayar secara berkala pada masa-masa yang dinyatakan, seumur hidup atau dalam sesuatu tempoh yang dinyatakan atau boleh ditentukan, di bawah tanggungan untuk membuat bayaran-bayaran itu sebagai balasan yang cukup dan sepenuhnya dengan wang atau nilai wang.

Perkara XIX

1. Saraan yang dibayar daripada kumpulanwang awam satu Negara Berjanji kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada Negara Berjanji itu pada menjalankan tugas-tugas yang bercorak kerajaan hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi.

Peruntukan ini tidak boleh dipakai jika penerima pendapatan ini adalah seorang warganegara Negara Berjanji yang satu lagi tanpa menjadi warganegara Negara Berjanji yang pertama disebut itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh dipakai bagi saraan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi berhubung dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh satu Negara Berjanji.

3. Mana-mana pencen yang dibayar daripada kumpulanwang awam satu Negara Berjanji kepada seseorang perseorangan berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang dahulunya diberi kepada Negara Berjanji itu pada menjalankan tugas-tugas bercorak kerajaan boleh dikenakan cukai dalam Negara Berjanji itu.

Perkara XX

Seseorang perseorangan yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji sebelum sahaja daripada membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi, dan yang membuat lawatan itu atas jemputan sesuatu universiti, kolej, sekolah atau lain-lain institusi pelajaran yang diiktiraf dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, semata-mata bagi maksud mengajar atau menyelidik di institusi pelajaran itu selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas saraannya bagi mengajar atau menyelidik itu.

Perkara XXI

1. Seseorang perseorangan yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji sebelum sahaja daripada membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi dan berada secara sementara dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata sebagai seorang penuntut di sesuatu universiti, kolej, sekolah yang diiktiraf atau lain-lain institusi pelajaran seumpamanya yang diiktiraf dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau sebagai seorang aprentis perniagaan atau teknik di dalamnya, selama suatu tempoh tidak lebih daripada tiga tahun daripada tarikh ia mula-mula tiba di Negara Berjanji yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu, hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas—

- (a) semua kiriman wang dari luar negeri bagi maksud penyenggaraan, pelajaran atau latihannya; dan
- (b) apa-apa saraan yang tidak lebih daripada 60,000 franc Belgium atau jumlah wang Malaysia yang sama nilai dengannya dalam masa sesuatu tahun kalendar berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dengan tujuan untuk menambah sumber-sumber yang ada padanya bagi maksud-maksud itu.

2. Seseorang perseorangan yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji sebelum sahaja daripada membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi dan berada secara sementara dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud pelajaran, penyelidikan atau latihan semata-mata sebagai seorang penerima sesuatu pemberian, elaun atau award daripada Kerajaan mana-mana satu daripada Negara-negara Berjanji atau daripada sesuatu pertubuhan sains, pelajaran, ugama atau khairat atau di bawah sesuatu rancangan bantuan teknik yang dibuat oleh Kerajaan mana-mana satu daripada Negara-negara Berjanji selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua tahun daripada tarikh ia mula-mula tiba dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas—

- (a) amaun pemberian, elaun atau award itu;
- (b) semua kiriman wang dari luar negeri bagi maksud penyenggaraan, pelajaran atau latihannya; dan
- (c) apa-apa saraan yang tidak lebih daripada 100,000 franc Belgium atau jumlah wang Malaysia yang sama nilai dengannya dalam masa sesuatu tahun kalendar berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah dijalankan berhubung dengan pelajaran, penyelidikan atau latihannya atau adalah bersampingan dengan pelajaran, penyelidikan atau latihan itu.

3. Seseorang perseorangan yang adalah pemastautin satu Negara Berjanji sebelum sahaja daripada membuat lawatan ke Negara Berjanji yang satu lagi dan berada secara sementara dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata sebagai seorang pekerja, atau di bawah kontrak dengan, Kerajaan atau sesuatu enterprais Negara Berjanji yang pertama disebut semata-mata bagi maksud memperolehi pengalaman teknik, profesional atau perniagaan selama suatu tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan daripada tarikh ia mula-mula tiba dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu berhubung dengan lawatan itu hendaklah dikecualikan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu atas—

- (a) semua kiriman wang dari luar negeri bagi maksud-maksud penyenggaraan, pelajaran atau latihannya; dan
- (b) apa-apa saraan yang tidak lebih daripada 100,000 franc Belgium atau jumlah wang Malaysia yang sama nilai dengannya dalam masa sesuatu tahun kalendar berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah berkaitan dengan pelajaran atau latihannya atau adalah bersampingan dengan pelajaran atau latihan itu.

Perkara XXII

Butiran-butiran pendapatan pemastautin satu Negara Berjanji yang tidak diuruskan dengan khas dalam Perkara-perkara yang terdahulu dalam Perjanjian ini boleh dikenakan cukai di kedua-dua Negara Berjanji.

Perkara XXIII

1. Undang-undang yang berkuatkuasa dalam mana-mana satu Negara Berjanji hendaklah terus mengawal percukaian pendapatan dalam Negara Berjanji itu kecuali jika peruntukan nyata yang berlawanan dibuat dalam Perjanjian ini. Jika pendapatan adalah tertakluk kepada cukai dalam kedua-dua Negara Berjanji relief daripada cukai dua kali hendaklah diberi menurut perenggan-perenggan berikut dalam Perkara ini.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang Malaysia berkenaan dengan kebenaran sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia tentang cukai yang kena dibayar dalam mana-mana negeri lain daripada Malaysia dan tertakluk kepada apa-apa pengubahsuaian kemudiannya peruntukan-peruntukan itu, yang walau bagaimanapun, tidak boleh menyentuh prinsip mengenainya, Malaysia hendaklah membenarkan sebagai suatu kredit terhadap cukai Malaysia tentang cukai Belgium yang kena dibayar, samada secara langsung atau dengan cara potongan, berkenaan dengan pendapatan daripada sumber-sumber dalam Belgium yang juga boleh dikenakan cukai Malaysia.

Jika pendapatan itu ialah suatu dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium kepada sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia dan yang mengawal secara langsung atau secara tak langsung tidak kurang daripada 25 peratus daripada kuasa mengundi dalam syarikat yang disebut dahulu, kredit itu hendaklah mengambil kira, sebagai tambahan kepada apa-apa cukai yang bersesuaian dengan dividen itu, cukai Belgium yang kena dibayar oleh syarikat itu berkenaan dengan pendapatannya.

3. Mengenai pendapatan yang diperolehi daripada sumber-sumber dalam Malaysia dan yang telah dikenakan cukai dalam Malaysia menurut Perjanjian ini, samada secara langsung atau secara potongan, dan yang boleh dikenakan cukai dalam Belgium menurut undang-undang Belgium—

(a) (i) Apabila sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium mempunyai syer-syer dalam sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia, dividen-dividen yang dibayar atasnya kepada syarikat yang pertama disebut itu dan yang baginya perenggan 5 Perkara X tidak dipakai hendaklah dikecualikan dalam Belgium daripada cukai yang disebut dalam perenggan 3 (b) (ii) Perkara II setakat mana pengecualian itu sepatutnya diberi jika kedua-dua syarikat itu telah menjadi pemastautin Belgium.

(ii) Sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium dan yang mempunyai secara langsung syer-syer dalam sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia dalam masa seluruh tempoh pengakaunan syarikat yang disebut kemudian itu hendaklah sedemikian juga dikecualikan atau diberi relief daripada bayaran terdahulu atas pendapatan daripada harta alih (*precompte mobilier*) yang boleh dikenakan menurut undang-undang Belgium atas amaun bersih dividen-dividen yang disebut di bawah (i) di atas iaitu dividen-dividen yang dibayar kepadanya oleh syarikat tersebut yang adalah pemastautin Malaysia dan yang boleh dikenakan cukai yang disebut dalam perenggan 3 (a) (i) atau (iii) Perkara II, dengan syarat bahawa ia menghendaki demikian dengan membuat permohonan secara bertulis tidak lewat daripada masa yang dihadkan bagi mengemukakan penyata tahunannya, atas fahaman bahawa, apabila dividen-dividen yang tidak dikenakan kepada bayaran terdahulu itu diagihkan semula kepada pemegang-pemegang syernya, pendapatan yang selepas itu diagih dan boleh dikenakan kepada bayaran terdahulu tersebut tidak boleh dikurangkan dengan amaun dividen-dividen itu walau apa jua peruntukan undang-undang Belgium. Pengecualian ini tidak boleh dipakai jika syarikat yang pertama disebut itu telah memilih supaya keuntungan-keuntungannya dikenakan cukai pendapatan persendirian.

Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan ini hendaklah dihadkan mengenai dividen-dividen yang dibayar oleh sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia kepada sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium yang mengawal secara langsung atau secara tak langsung tidak kurang daripada 25 peratus daripada kuasa mengundi dalam syarikat yang pertama disebut itu, bagi hal jika, berhubung dengan pengecualian cukai yang disebut dalam perenggan 3 (b) (ii) Perkara II, suatu had seperti itu akan dikenakan oleh perundangan Belgium berkenaan dengan dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat yang bukannya pemastautin Belgium.

- (iii) Dalam hal-hal yang tidak diliputi oleh perenggan-kecil (a) (i), apabila seseorang pemastautin Belgium menerima daripada Malaysia dividen-dividen, bunga atau royalti-royalti yang telah dikenakan cukai di Malaysia menurut Perjanjian ini dan yang baginya perenggan 5 Perkara X, perenggan 5 Perkara XI atau perenggan 4 Perkara XII tidak dipakai, Belgium hendaklah memberi kepada pemastautin itu suatu kredit terhadap cukai Belgium yang boleh dikenakan atasnya berkenaan dengan cukai Malaysia. Kredit ini hendaklah sebanyak kadar tetap daripada cukai luar negeri yang baginya peruntukan dibuat dalam undang-undang Belgium.

Bagaimanapun, walau apapun peruntukan dalam undang-undang Belgium, berhubung dengan pendapatan yang baginya perenggan 2 Perkara XI atau perenggan 2 Perkara XII dipakai, kredit itu hendaklah dibenarkan mengikut kadar 20 peratus daripada amaun kasar apa-apa pendapatan yang dimasukkan dalam asas boleh dikenakan cukai di Belgium; kredit itu juga hendaklah diberi berkenaan dengan apa-apa pendapatan, yang boleh dikenakan cukai Malaysia menurut Perjanjian ini dan prinsip-prinsip am undang-undang Malaysia dan juga berkenaan dengan dividen-dividen yang baginya perenggan 5 Perkara X tidak dipakai, jika pendapatan atau dividen-dividen itu telah dikecualikan secara sementara daripada cukai dalam Malaysia menurut kuasa Akta Galakan Pelaburan, 1968 atau apa-apa peruntukan lain yang mungkin kemudiannya dibuat memberi relief yang pihakberkuasa-pihakberkuasa berkecualikan kedua-dua Negara Berjanji bersetuju adalah daripada jenis yang sama pada isinya.

- (b) (i) Apabila seseorang pemastautin Belgium menerima pendapatan lain daripada yang dinyatakan dalam perenggan-kecil (a) di atas iaitu pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam Malaysia menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini, Belgium hendaklah mengecualikan pendapatan itu daripada cukai, tetapi boleh, pada menghitong amaun cukai atas baki pendapatan pemastautin itu memakai kadar cukai yang sepatutnya dipakai jika pendapatan yang menjadi soal itu telah tidak dikecualikan. Peruntukan ini tidak boleh dipakai bagi butiran-butiran pendapatan yang disebut dalam Perkara XXII.
- (ii) Walau apapun peruntukan perenggan-kecil (b) (i) di atas, cukai Belgium boleh dikenakan atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam Malaysia setakat mana pendapatan ini telah tidak dikenakan cukai dalam Malaysia oleh kerana tolak-selesai kerugian-kerugian juga dipotong, berkenaan dengan sesuatu tempoh pengakaunan, daripada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam Belgium.

4. Bagi maksud-maksud Perkara ini keuntungan-keuntungan atau saraan bagi perkhidmatan-perkhidmatan persendirian (termasuklah profesional) yang dijalankan dalam satu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai pendapatan daripada sumber-sumber dalam Negara Berjanji itu, dan perkhidmatan-perkhidmatan seseorang perseorangan yang perkhidmatannya adalah dijalankan ke semuanya atau terutamanya dalam kapal atau kapaludara yang dikendalikan oleh pemastautin satu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai dijalankan dalam Negara Berjanji itu.

Perkara XXIV

1. Rakyat satu Negara Berjanji tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi apa-apa cukai atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada cukai dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas rakyat Negara Berjanji yang satu lagi itu dalam hal keadaan yang sama.

2. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, perkataan-perkataan “rakyat satu Negara Berjanji” ertinya—

- (a) bagi Malaysia, semua orang perseorangan yang memiliki kewarganegaraan Malaysia dan semua orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan lain-lain entity yang mendapat tarafnya sebagai demikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa dalam Malaysia; dan
- (b) bagi Belgium, semua orang perseorangan yang mempunyai kerakyatan Belgium dan semua orang di sisi undang-undang, perkongsian, persatuan dan lain-lain entity yang mendapat tarafnya sebagai demikian daripada undang-undang yang berkuatkuasa dalam Belgium.

3. Cukai Belgium atas sesuatu pertubuhan tetap yang dipunyai oleh suatu enterpris dalam satu Negara Berjanji dan yang berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi tidak boleh dilevi dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dengan cara yang kurang baik daripada cukai yang dilevi ke atas enterpris-enterpris Negara Berjanji yang satu lagi itu dan yang menjalankan aktiviti-aktiviti seperti itu juga.

Peruntukan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mencegah Belgium daripada mengenakan cukai ke atas semua amaun keuntungan sesuatu pertubuhan tetap di Belgium sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Malaysia atau sesuatu persatuan yang mempunyai tempat pengurusan yang berkuatkuasa di Malaysia mengikut kadar cukai yang diperuntukkan oleh undang-undang Belgium, tetapi kadar ini tidak boleh (sebelum surcaj yang disebut dalam perenggan 3 (b) (vi) Perkara II) lebih daripada kadar maksimum yang boleh dipakai bagi kesemua atau sebahagian daripada keuntungan-keuntungan syarikat yang adalah pemastautin Belgium.

4. Enterpris-enterpris satu Negara Berjanji, yang modalnya adalah kesemuanya atau sebahagiannya dipunyai atau dikawal, secara langsung atau secara taklangsung, oleh seseorang atau lebih daripada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi, tidak boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu apa-apa cukai atau apa-apa kehendak yang berkaitan dengannya yang adalah berlainan atau lebih berat daripada cukai dan kehendak-kehendak yang berkaitan yang dikenakan atau boleh dikenakan ke atas lain-lain enterpris seperti itu dalam Negara Berjanji yang pertama disebut itu.

5. Tiada apa-apa jua peruntukan dalam Perkara ini boleh ditafsirkan sebagai menanggungkan ke atas Malaysia untuk memberi kepada rakyat Belgium yang tidak bermastautin dalam Malaysia elaun, relif dan pengurangan bagi maksud-maksud cukai yang menurut undang-undang boleh didapati pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani hanya oleh warganegara Malaysia atau oleh mana-mana orang lain yang dinyatakan dalamnya iaitu yang tidak bermastautin dalam Malaysia.

Perkara XXV

1. Jika pemastautin satu Negara Berjanji berpendapat bahawa tindakan-tindakan satu atau kedua-dua Negara Berjanji menyebabkan atau akan menyebabkan ia kena membayar cukai dua kali berlawanan dengan perjanjian ini, maka ia boleh, dengan tidak bergantung kepada remidi yang diperuntukkan oleh undang-undang negara Negara-negara Berjanji itu, menghantar kepada pihakberkuasa berkelayakan Negara yang ia adalah pemastautin suatu permohonan secara bertulis menyatakan alasan-alasan bagi menuntut cukainya disemak semula. Permohonan tersebut mestilah dikemukakan sebelum tamat suatu tempoh dua tahun daripada tarikh pemberitahu boleh dikenakan cukai kali kedua atau pemotongan di sumber bagi cukai kali kedua yang menimbulkan cukai dua kali itu.

2. Pihakberkuasa berkelayakan itu hendaklah berusaha, jika bantahan itu pada pendapatnya adalah patut dan jika ia sendiri tidak dapat hendak menyelesaikan secara berpatutan, menyelesaikan kes itu dengan cara persetujuan bersama dengan pihakberkuasa berkelayakan Negara Berjanji yang satu lagi, dengan tujuan untuk mengelakkan cukai dua kali yang tidak mengikut Perjanjian ini.

3. Pihakberkuasa berkelayakan Negara-negara Berjanji hendaklah berusaha menyelesaikan dengan cara persetujuan bersama apa-apa kesulitan atau keraguan yang berbangkit mengenai pemakaian Perjanjian ini.

4. Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Berjanji atau wakil-wakilnya yang diberikuasa boleh berhubung antara satu dengan lain secara langsung bagi maksud mencapai suatu persetujuan tentang maksud perenggan-perenggan di atas atau bagi maksud menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Perkara XXVI

1. Pihakberkuasa berkelayakan Negara-negara Berjanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat yang perlu untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Perjanjian ini atau untuk mencegah frod atau untuk menjalankan peruntukan-peruntukan berkanun terhadap mengecewakan undang-undang berhubung dengan cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini.

Apa-apa maklumat yang dipertukar-tukarkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai rahsia dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang lain daripada pembayar cukai itu atau wakilnya yang diberikuasa dan mereka yang terlibat dalam pentaksiran atau pemungutan cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini atau yang terlibat dalam pemutusan rayuan-rayuan berhubung dengannya atau yang terlibat dalam menguatkuasaan undang-undang berhubung dengan cukai-cukai itu.

2. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 tidak boleh sekali-kali ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas satu Negara Berjanji tanggungan :

- (i) untuk menjalankan langkah-langkah pentadbiran yang berlainan daripada undang-undang atau amalan pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi;
- (ii) untuk memberi butir-butir yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Berjanji itu atau Negara Berjanji yang satu lagi;
- (iii) untuk memberi maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia pertukangan, perniagaan, perindustrian, perdagangan atau profesion atau proses pertukangan, atau maklumat yang penzahirannya adalah bertentangan dengan dasar awam.

Perkara XXVII

1. Tiada apa-apa jua peruntukan dalam Perjanjian ini boleh menyentuh keistimewaan-keistimewaan fizikal pegawai-pegawai diplomat atau konsol di bawah kaedah-kaedah am undang-undang antarabangsa atau di bawah peruntukan-peruntukan perjanjian-perjanjian khas.

2. Mengenai sesuatu syarikat yang adalah pemastautin Belgium, peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidak boleh menghadkan kuasa mengenakan cukai menurut undang-undang Belgium dalam hal pembelian balik syer-syernya sendiri atau dalam hal pengagihan aset-asetnya.

3. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidak boleh menghadkan hak-hak dan faedah-faedah yang diberi oleh undang-undang satu Negara Berjanji kepada pemastautin-pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi berkenaan dengan cukai-cukai yang menjadi hal-perkara Perkara II.

Perkara XXVIII

1. Perjanjian ini hendaklah disahkan dan suratcara-suratcara pengesahan hendaklah dipertukar-tukarkan di..... dengan seberapa segera yang boleh.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada hari yang ke lima belas selepas tarikh suratcara-suratcara pengesahan itu dipertukar-tukarkan dan hendaklah berkuatkuasa—

Di Malaysia :

berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun taksiran yang bermula pada 1 haribulan Januari dalam tahun kalendar yang berikutan selepas tahun dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa, dan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya;

Di Belgium :

- (a) berkenaan dengan semua cukai yang kena dibayar di sumber pendapatan yang dikreditkan atau kena dibayar pada atau selepas 1 haribulan Januari dalam tahun kalendar yang berikutan selepas tahun dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa;
- (b) berkenaan dengan semua cukai lain daripada cukai yang kena dibayar di sumber, atas pendapatan apa-apa tempoh pengakaunan yang berakhir pada atau selepas 31 haribulan Disember dalam tahun kalendar dalam mana Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

Perkara XXIX

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh yang tidak dihadkan tetapi salah satu daripada Negara-negara Berjanji boleh menamatkan Perjanjian melalui saluran-saluran diplomatik, dengan memberi kepada Negara Berjanji yang satu lagi, notis penamatan bertulis tidak lewat daripada 30 haribulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar mulai daripada tahun kelima yang berikutan tahun dalam mana surat-cara-suratcara pengesahan dipertukar-tukarkan. Dalam hal yang demikian Perjanjian hendaklah terhenti berkuatkuasa—

Di Malaysia :

berkenaan dengan cukai Malaysia bagi tahun taksiran yang berikutan selepas tahun dalam mana notis itu diberi dan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya;

Di Belgium :

(a) berkenaan dengan semua cukai yang kena dibayar di sumber atas pendapatan yang dikredit atau kena dibayar pada atau selepas 1 haribulan Januari dalam tahun kalendar berikutan selepas tahun dalam mana notis penamatan itu diberi;

(b) berkenaan dengan semua cukai lain daripada cukai yang kena dibayar di sumber, atas pendapatan apa-apa tempoh pengakanaan yang berakhir pada atau selepas 31 haribulan Disember dalam tahun kalendar dalam mana notis penamatan itu diberi.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang menurunkan tandatangan ini dan yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, telah menandatangani Perjanjian ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada dua puluh empat haribulan Oktober tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga dalam Bahasa Inggeris.

TAN SIEW SIN,
Bagi pihak Kerajaan Malaysia

BARON DE VLEESCHAUWER,
Bagi pihak Kerajaan Belgium

PROTOKOL

Pada masa menandatangani Perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Belgium bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fisikal berkenaan dengan Cukai-cukai atas Pendapatan, yang menurunkan tandatangan di bawah ini telah bersetuju bahawa peruntukan-peruntukan berikut hendaklah menjadi bahagian yang integral bagi Perjanjian itu :

1. Berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari satu Negara Berjanji oleh pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi daripada pengendalian kapal-kapal atau kapaludara dalam lalulintas antarabangsa pihakberkuasa berkelayakan Negara Berjanji yang pertama disebut hendaklah menerima perakuan pentaksiran yang dikeluarkan oleh pihakberkuasa berkelayakan Negara Berjanji yang satu lagi itu bagi maksud menentukan bahagian pendapatan sedunia yang disebut dalam perenggan 2 Perkara VIII Perjanjian itu.

2. Jika selepas Perjanjian ini ditandatangani Malaysia menandatangani suatu Perjanjian bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali yang di bawahnya pengecualian cukai diberi kepada pemastautin sesuatu negeri Eropah atau Amerika Utara berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari

Malaysia daripada pengendalian kapaludara dalam lalulintas antara-bangsa, Kerajaan Malaysia akan menimbangkan semula hal syarikat-syarikat penerbangan Belgium dengan tujuan untuk memberi, atas asas balas-membalas, layanan yang sama kepada pemastautin-pemastautin Belgium berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi dari Malaysia daripada pengendalian kapaludara dalam lalulintas antarabangsa.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang menurunkan tandatangan di bawah ini dan yang diberikuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu, telah menandatangani Protokol ini.

DIPERBUAT dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada dua puluh empat haribulan Oktober tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga dalam Bahasa Inggeris.

TAN SIEW SIN,
Bagi pihak Kerajaan Malaysia

BARON DE VLEESCHAUWER,
Bagi pihak Kerajaan Belgium

Diperbuat pada 10 haribulan Jun, 1976.
[Perb. O. 6869/9 Vol. 2; PN. (PU²) 80 Pt. II.]

TENGGU RAZALEIGH HAMZAH,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 132 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (4) Akta (Cukai Pendapatan) Petroleum 1967.)

INCOME TAX ACT 1967 AND

PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (BELGIUM) ORDER 1976

*Act 53.
45 /67*

IN exercise of the powers conferred by section 132 (1) of the Income Tax Act 1967, and section 65A (1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 the Minister makes the following order:

Citation.

1. This Order may be cited as the **Double Taxation Relief (Belgium) Order 1976**.

*Declaration
of relief
from
double
taxation.*

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made with the Government of Belgium with a view to affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Belgium tax (as defined in each case, in the arrangements) and that it is expedient that the arrangements shall have effect.

SCHEDULE

(Paragraph 2)

AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF BELGIUM FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION OF FISCAL EVIASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME

The Government of Malaysia and the Government of Belgium,

Desiring to conclude an Agreement for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income;

Have agreed as follows :

Article I

This Agreement shall apply to persons who are residents of one or both of the Contracting States.

Article II

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed by each Contracting State, irrespective of the manner in which they are levied.

2. There shall be regarded as taxes on income all taxes imposed on total income, or on elements of income, including taxes on gains from the alienation of movable or immovable property and taxes on the total amounts of wages or salaries paid by enterprises.

3. The existing taxes to which the Agreement shall apply are :

(a) in Malaysia—

- (i) the income tax;
 - (ii) the supplementary income tax, that is, the development tax, tin profits tax and timber profits tax; and
 - (iii) the petroleum income tax
- (hereinafter referred to as “Malaysian tax”);

(b) in Belgium—

- (i) the individual income tax (l’impôt des personnes physiques);
- (ii) the corporate income tax (l’impôt des sociétés);
- (iii) the income tax on legal entities (l’impôt des personnes morales);
- (iv) the income tax on non-residents (l’impôt des non-résidents);
- (v) the prepayments and additional prepayments (les pré-comptes et compléments de précomptes); and
- (vi) the surcharges (décimes et centimes additionnels) on any of the taxes referred to in (i) to (v) above including the communal supplement to the individual income tax (taxe communale additionnelle a l’impôt des personnes physiques)

(hereinafter referred to as “Belgian tax”).

4. This Agreement shall also apply to any identical or substantially similar tax which is imposed after the date of signature of this Agreement in addition to, or in place of, the existing taxes.

5. The competent authorities of the two Governments shall notify regularly to each other any significant changes which have been made in their respective taxation laws. In case of substantial changes in the system of taxation in a Contracting State, the competent authorities of the two Governments shall consult each other with a view to adapting the Agreement to such changes.

6. The provisions of the Agreement in respect of the taxation of income or profits shall likewise apply to the development tax computed other than on the basis of income.

Article III

1. In this Agreement, unless the context otherwise requires :
 - (a) the term “Malaysia” means the Federation of Malaysia and includes any area adjacent to the territorial waters of Malaysia which in accordance with international law has been or may hereafter be designated under the laws of Malaysia concerning the Continental Shelf as an area within which the rights of Malaysia with respect to the sea bed and sub-soil and their natural resources may be exercised;
 - (b) the term “Belgium” means the Kingdom of Belgium; it includes any area outside the Belgian national sovereignty which has been or may hereafter be designated, under the Belgian laws concerning the Continental Shelf and in accordance with international law, as an area within which the rights of Belgium with respect to the sea bed and sub-soil and their natural resources may be exercised;
 - (c) the terms “a Contracting State” and “the other Contracting State” mean Malaysia or Belgium, as the context requires;
 - (d) the term “tax” means Malaysian tax or Belgian tax, as the context requires;
 - (e) the term “person” comprises an individual, a company and any other body of persons; in the case of Malaysia it also includes a corporation sole and a Hindu Joint Family but does not include a partnership;
 - (f) the term “company” means any body corporate or any entity which is treated as a body corporate for tax purposes;
 - (g) the terms “enterprise of a Contracting State” and “enterprise of the other Contracting State” mean respectively an enterprise carried on by a resident of a Contracting State and an enterprise carried on by a resident of the other Contracting State;
 - (h) the terms “competent authorities” means in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorized representative, and in the case of Belgium, the competent authority according to Belgian legislation;
2. As regards the application of this Agreement by a Contracting State, any term not otherwise defined shall, unless the context otherwise requires, have the meaning which it has under the laws of that Contracting State relating to the taxes which are the subject of the Agreement.

Article IV

1. In this Agreement :
 - (a) the terms “resident of Malaysia” means—
 - (i) an individual who is ordinarily resident in Malaysia, or
 - (ii) a person other than an individual who is resident in Malaysia,for the basis year for a year of assessment for the purposes of Malaysian tax;
 - (b) the term “resident of Belgium” means any person who is a resident of Belgium for the purposes of Belgian tax;
 - (c) the terms “resident of a Contracting State” and “resident of the other Contracting State” mean a resident of Malaysia or a resident of Belgium, as the context requires.

2. Where by reason of the provisions of paragraph 1, an individual is a resident of both Contracting States, then his case shall be determined in accordance with the following rules :

- (a) he shall be deemed to be a resident of the Contracting State in which he has a permanent home available to him. If he has a permanent home available to him in both Contracting States, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State with which his personal and economic relations are closer (centre of vital interests);
- (b) if the Contracting State in which he has his centre of vital interests cannot be determined, or if he has not a permanent home available to him in either Contracting State, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State in which he has an habitual abode;
- (c) if he has an habitual abode in both Contracting States or in neither of them, he shall be deemed to be a resident of the Contracting State of which he is a national;
- (d) if he is a national of both Contracting States or of neither of them, the competent authorities of the Contracting States shall settle the question by mutual agreement.

3. Where by reason of the provisions of paragraph 1, a person other than an individual is a resident of both Contracting States, then it shall be deemed to be a resident of the Contracting State in which its place of effective management is situated.

Article V

1. For the purposes of this Agreement, the term “permanent establishment” means a fixed place of business in which the business of the enterprise is wholly or partly carried on.

2. The term “permanent establishment” shall include especially :

- (a) a place of management;
- (b) a branch;
- (c) an office;
- (d) a factory;
- (e) a workshop;
- (f) a farm or plantation;
- (g) a mine, oil well, quarry or other place of extraction of natural resources;
- (h) a building site or construction or assembly project which exists for more than six months;
- (i) a place of extraction of timber or forest produce.

3. The term “permanent establishment” shall not be deemed to include :

- (a) the use of facilities solely for the purpose of storage, display or delivery of goods or merchandise belonging to the enterprise;
- (b) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of storage, display or delivery;

- (c) the maintenance of a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise solely for the purpose of processing by another enterprise;
 - (d) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of purchasing goods or merchandise, or collecting information, for the enterprise;
 - (e) the maintenance of a fixed place of business solely for the purpose of advertising, for the supply of information, for scientific research or for similar activities which have a preparatory or auxiliary character, for the enterprise.
4. An enterprise of a Contracting State shall be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State if it carries on supervisory activities in that other Contracting State for more than six months in connection with a construction, installation or assembly project which is being undertaken in that other Contracting State.
5. A person acting in a Contracting State on behalf of an enterprise of the other Contracting State (other than an agent of an independent status to whom paragraph 6 applies) shall be deemed to be a permanent establishment in the first-mentioned State if:
- (a) he has, and habitually exercises in the first-mentioned State, an authority to conclude contracts in the name of the enterprise, unless his activities are limited to the purchase of goods or merchandise for the enterprise; or
 - (b) he maintains in the first-mentioned State a stock of goods or merchandise belonging to the enterprise from which he regularly fills orders on behalf of the enterprise.
6. An enterprise of a Contracting State shall not be deemed to have a permanent establishment in the other Contracting State merely because it carries on business in that other State through a broker, general commission agent or other agent of an independent status, where such persons are acting in the ordinary course of their business.
7. The fact that a company which is a resident of a Contracting State controls or is controlled by a company which is a resident of the other Contracting State, or which carries on business in that other Contracting State (whether through a permanent establishment or otherwise) shall not of itself constitute either company a permanent establishment of the other.

Article VI

1. Income from immovable property may be taxed in the Contracting State in which such property is situated.
2. The term "immovable property" shall be defined in accordance with the law and usage of the Contracting State in which the property in question is situated. The term shall in any case include property accessory to immovable property, livestock and equipment used in agriculture and forestry, rights to which the provisions of general law respecting land property apply, usufruct of immovable property and right to variable or fixed payments as consideration for the working of, or the right to work, mineral deposits, sources and other natural resources; ships, boats and aircraft shall not be regarded as immovable property.
3. The provisions of paragraph 1 shall apply to income derived from the direct use, letting, or use in any other form of immovable property.

4. The provisions of paragraphs 1 and 3 shall also apply to the income from immovable property of an enterprise and to income from immovable property used for the performance of professional services.

Article VII

1. The income of an enterprise of a Contracting State shall be taxable only in that State unless the enterprise carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein. If the enterprise carries on business as aforesaid, the income of the enterprise may be taxed in that other Contracting State but only so much of that income as is attributable to that permanent establishment.

2. Without prejudice to the application of paragraph 3, where an enterprise of a Contracting State carries on business in the other Contracting State through a permanent establishment situated therein, there shall in each Contracting State be attributed to that permanent establishment the income which it might be expected to make if it were a distinct and separate enterprise engaged in the same or similar activities under the same or similar conditions and dealing wholly independently with the enterprise of which it is a permanent establishment.

3. In the determination of the income of a permanent establishment, there shall be allowed as deductions all expenses, including executive and general administrative expenses, which would be deductible if the permanent establishment were an independent enterprise in so far as they are reasonably allocable to the permanent establishment, whether incurred in the Contracting State in which the permanent establishment is situated or elsewhere.

4. No income shall be attributed to a permanent establishment by reason of the mere purchase by that permanent establishment of goods or merchandise for the enterprise.

5. Where any item of income is dealt with separately in another Article of this Agreement, the provisions of that other Article shall not be affected by the provisions of this Article.

Article VIII

1. Income of an enterprise of a Contracting State derived from the other Contracting State from the operation of ships or aircraft in international traffic may be taxed in that other Contracting State to the extent of one half of such income and the other half of such income shall be taxable only in the first-mentioned Contracting State.

2. Such income shall be the portion of the world income as computed by the first-mentioned Contracting State, which bears to that world income the same proportion as the receipts from the transportation of passengers, livestock or goods shipped from ports in that other Contracting State bear to the world receipts from the operation of ships or aircraft.

Article IX

Where

- (a) an enterprise of a Contracting State participates directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of the other Contracting State, or

- (b) the same persons participate directly or indirectly in the management, control or capital of an enterprise of a Contracting State and an enterprise of the other Contracting State,

and in either case conditions are made or imposed between the two enterprises in their commercial or financial relations which differ from those which would be made between independent enterprises, then, any income which would, but for those conditions, have accrued to one of the enterprises, but, by reason of those conditions, has not so accrued, may be included in the income of that enterprise and taxed accordingly.

Article X

1. Dividends paid by a company which is a resident of Belgium to a resident of Malaysia may be taxed in Belgium according to its laws but the tax so charged shall not exceed 15 per cent of the gross amount of the dividends.

This paragraph shall not affect the taxation of the company in respect of the profits out of which the dividends are paid.

2. Dividends paid by a company which is a resident of Malaysia to a resident of Belgium shall be exempt from any tax in Malaysia which is chargeable on dividends in addition to the tax chargeable in respect of the profits or income of the company :

Provided that nothing in this paragraph shall affect the provisions of the Malaysian law under which the tax in respect of a dividend paid by a company resident in Malaysia from which Malaysian tax has been, or has been deemed to be, deducted may be adjusted by reference to the rate of tax appropriate to the Malaysian year of assessment immediately following that in which the dividend was paid.

